



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بِوَسْطَةِ رَحْمَتِهِ إِسْلَامُهُ أَنْبَاءُ رَجَائِنَا مُلْدِينَتِنَا

SALAH LAKU KEHAKIMAN . PENYELESAIAN  
MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

AZZEMAN BIN HJ OMAR

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEHI DIPLOMA UNDANG-UNDANG  
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
( DAJJ )

KULIYYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
PETALING JAYA

SESI 1993/1994

## PENGAKUAN

*Saya akui bahawa karya ini adalah hasil  
mukilan saya sendiri. Kecuali mukilan-mukilan  
dan ringkasan yang tiap-tiap satunya  
telah saya jelaskan sumbernya.*

*10 Mei 1994*



.....  
AZZEMAN BIN HJ OMAR

G 9211056

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA  
PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG

*Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T. yang telah menganugerahkan segala keupayaan dan kekuatan kepada penulis untuk menyiapkan kertas projek ini. Apa yang diharapkan semoga usaha ini diberkati oleh Allah serta mendapat keredaannya.*

*Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada yang berbahagia Tan Sri Dato' Prof. Wan Hamzah Wan Mohd Salleh selaku penyelia kajian ini yang banyak membantu penulis dalam menyiapkan kertas projek ini. Ucapan yang sama juga penulis rakamkan kepada pensyarah kuliyyah undang-undang Universiti Islam Antarabangsa, khususnya tenaga pengajar Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DALI), Kakitangan kuliyyah undang-undang, rakan sepejuangan dan kenalan. InsyaAllah bimbingan baik dan tunjuk ajar yang berguna dapat dimanfaatkan oleh penulis didalam hidupnya.*

*Penghargaan abadi buat kedua ibu bapa tercinta, abang-abang, keluarga dan isteri tersayang (Norzalih Hj. Ghazali). Jasa kalian dan segalanya tetap segar dalam ingatan dan kasih sayang. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya saudara Azmi yang bertungkus lumus membantu penulis dalam menjayakan kertas projek ini.*

*Untuk akhirnya, semoga usaha kecil ini diterima Allah sebagai amalan soleh, segala kebenaran di dalam kertas projek ini datangnya dari Allah dan kekurangan adalah dari diri penulis yang daif ini.*

*Sekian, Wassalam.*

*Salam Hormat,*

*Azzeman bin Hj. Omar  
75, Jalan Sek. Keb. Pangkal Nering  
16600, Pulau Chondong,  
Kelantan.*

*29 Zulkaedah 1414  
10 Mei 1994*

*Tel : 09 - 978595*

*Penulis*

## SINOPSIS

*" Penulisan ini cuba menjelaskan sejauh manakah undang-undang Islam membuat penyelesaian terhadap masalah salah laku kehakiman. Penekanan dibuat terhadap beberapa aspek iaitu : sejarah sistem kehakiman Islam bermula dari zaman Rasulullah S.A.W. hingga ke zaman Bani Abassiyah, kedudukan jawatan hakim, hukum memohon jawatan hakim, syarat dan juga etika kehakiman Islam. Pengkajian juga melihat kepada definisi dan bentuk salah laku kehakiman (mis behaviour). Hasil daripada kajian yang dilakukan, hanya undang-undang Islam yang terbaik dan wajar diamalkan ".*

## KANDUNGAN

## HALAMAN

PENGAKUAN	ii	
PENGHARGAAN	iii	
SINOPSIS	iv	
JADUAL KANDUNGAN	v	
SENARAI SINGKATAN KATA	vii	
PENDAHULUAN	viii	
<b>BAB I SEJARAH SISTEM KEHAKIMAN ISLAM</b>		
1 1	Pendahuluan	1
1 2	Kehakiman di zaman Rasulullah S. A. W	2
1 3	Kehakiman di zaman Khulafa Al- Rasyiddin	4
1 4	Kehakiman di zaman Bani Umaiyyah	13
1 5	Kehakiman di zaman Bani Abasiyyah	15
1 6	Kesimpulan	16
<b>BAB II KEDUDUKAN, SYARAT DAN ETIKA KEHAKIMAN ISLAM</b>		
2.1.	Kedudukan Jawatan Hakim	18
2.1.1.	Definisi Hakim	18
2.1.2.	Dalil Pensyariatan Hakim	24
2.1.3.	Hukum Memohon Jawatan Hakim	28
2.2.	Syarat-syarat Menjadi Hakim	32
2.3.	Etika Kehakiman Islam	34

## BAB III SALAH LAKU KEHAKIMAN DAN PENYELESAIANNYA

3.1	Pendahuluan	38
3.2	Definisi Salah Laku	38
3.3	Bentuk Salah Laku Kehakiman	39
3.4	Prosedur dan Hukuman Dalam Mengendalikan Kes Salah Laku Menurut Kehakiman Islam	40
3.4.1	Sebab-sebab Perletakan Jawatan Hakim	41
3.4.2	Perletakan Jawatan, Pengumuman Perletakan Jawatan dan Pemecatan	44
3.4.3	Kesan Pemecatan dan Kematian Hakim	47
3.4.4	Kesimpulan	48
	PENUTUP	50
	BIBLIOGRAFI	52

## SENARAI SINGKATAN KATA

Bil.	Bilangan
Cet.	Cetakan
Dr.	Doktor
H	Hijrah
Hj.	Haji
Hlm.	Halaman
ibid.	di tempat yang sama
jil.	jilid
juz.	juzuk
Ltd.	Limited
M	Masihi
Prof.	Profesor
Sdn.	Sendirian
syk.	syarikat
t. t.	tanpa tarikh
t. tp	tanpa tempat
t. pt	tanpa penerbit
Trj.	Terjemahan
vol.	volume

## PENDAHULUAN DAN METHOD

Setiap negara yang membangun dan bertamaddun akan mendirikan sistem kehakiman (Judiciary) sebagai salah satu daripada tiga jentera pentadbiran iaitu badan perundangan (legislative), badan pemerintah (executive) dan badan kehakiman (judiciary). Kuasa di dalam negara dibahagikan antara ketiga-tiga cawangan (branches) ini. Parlimen bertanggungjawab untuk membuat undang-undang (termasuk soal-soal cukai dan perbelanjaan negara). Kuasa memerintah diberikan kepada pihak eksekutif dan kuasa membicara dan memutuskan krisis diantara perlimen dan pemerintah diputuskan oleh badan kehakiman. Di Malaysia kehakiman diberi kuasa untuk menyelesaikan pertelingkahan diantara pemerintah dengan pemerintah disebabkan ianya adalah sebuah persekutuan yang mengandungi 14 buah pemerintah termasuk antara pemerintha dendan rakyat.

Di Malaysia, telah mengalami suatu krisis kehakiman yang mengemparkan seluruh negara dan menimbulkan kesan yang berbagai dikalangan rakyat. Apakah krisis ini merupakan bukti terhadap kelemahan sistem kehakiman yang berjalan selama ini ataupun sekadar mainan politik pihak-pihak tertentu yang diibaratkan seperti "menyimbah minyak ke dalam api".

Menyedari hakikat inilah, tajuk salah laku kehakiman - penyelesaian mengikut perspektif Islam dipilih untuk melihat bagaimanakah penjelasan yang dibuat melalui undang-undang Islam.



Ini adalah perlu kerana konsep keadilan wajib ditegakkan agar tidak ada individu yang teraniaya tau dizalimi akibat tamak haloba, kegilaan kuasa, dendam, kepentingan peribadi dan sikap oportunistik pihak-pihak tertentu. Perlu disedari bahawa keadilan merupakan suatu aspek utama dan penting dalam amalan sistem kehakiman di dalam sesebuah negara. Ini adalah merupakan perkara asas yang menjadikan sesuatu undang-undang itu akan dipatuhi dan dihormati

Hakim adalah manusia biasa yang terikat dengan hukum dan pelaksanaan hukum keatasnya sekiranya sabit dengan kesalahan yang dilakukan. Dirinya tidak mempunyai unsur kekebalan (Immunity), yang membolehkan terlepas dari penghukuman.

Selaku seorang yang bertanggungjawab dalam menjalankan keadilan di dalam masyarakat, hakim perlu memiliki etika kehakiman yang dijadikan garis panduan di dalam tindakannya seharian. Oleh itu, sebarang kelakuan buruk yang dilakukan oleh para hakim seperti menerima rasuah perlu dibawa ke muka pengadilan untuk dihakimi.

Didalam kajian ini penulis telah mengambil inisiatif untuk mengenegahkan proses dan prosedur yang perlu dilakukan melalui saluran undang-undang yang disediakan dalam Islam bagi kes salah laku (mis behavior) kehakiman ini.

Mudah-mudahan, hasil dari kajian yang dibuat oleh penulis akan mendatangkan manfaat kepada semua dan dapat memberi gambaran dan pemahaman tentang bagaimana keadaan hakim yang sebenar disisi undang-undang.

## BAB I

### SEJARAH SISTEM KEHAKIMAN ISLAM

#### 1.1 Pendahuluan

Kehakiman merupakan institusi yang terpenting di dalam sesebuah masyarakat dan negara. Ia berfungsi menjalankan undang-undang dan peraturan bagi memastikan keperluan masyarakat dan memelihara hak manusia serta memberikan hak kepada mereka yang berhak<sup>1</sup>. Ia juga menyekat orang zalim daripada terus melakukan kezaliman di atas manusia dan undang-undang Allah S.W.T. dapat diwujudkan. Hakim-hakim dan qadhi-qadhi merupakan orang-orang yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan keadilan ini. Semasa menjalankan tugas, mereka memikul tanggungjawab yang berat kerana tugas ini adalah merupakan perkara yang melibatkan hak Allah S.W.T. dan hak manusia<sup>2</sup>. Dengan ini jelaslah bahawa memperkukuhkan Institusi Kehakiman dan melantik qadhi-qadhi serta hakim-hakim untuk tujuan tersebut adalah merupakan perjalanan dan sunnah Rasulullah S.A.W. yang seharusnya diikuti. Ia merupakan tuntutan syarak yang wajib dilaksanakan dan juga tidak boleh dielakkan.

---

<sup>1</sup> Mahmud Saedah A.Othman, Kadi Perlantikan Pelucutan dan Bidang Kuasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, Hlm. 1.

<sup>2</sup> Ibid

## 1.2 Kehakiman di zaman Rasulullah S.A.W.

Islam sebagai al-Din adalah satu-satunya agama yang dapat menjamin kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat. Kesyumulan agama Islam meliputi segenap aspek kehidupan manusia. Perutusan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai rahmat keseluruhan alam bukan semata-mata untuk membawa ajaran intikad (اعتقاد), sebaliknya disertai dengan kuasa Eksekutif, Legislatif dan Judiciary. Ketiga-tiga badan ini memainkan peranan utama didalam sistem pemerintahan sesebuah negara.

Di zaman Rasulullah S.A.W. ketiga-tiga badan ini dipegang oleh baginda yang juga sebagai ketua tertinggi negara. Pada masa ini tidak timbul soal pemisahan kuasa (separation power) diantara ketiga-tiga badan tersebut. Catatan sejarah membuktikan bahawa kehakiman zaman Rasulullah S.A.W. telah mencapai peringkat yang amat membanggakan disebabkan oleh konsep amanah kepimpinan<sup>1</sup> dilaksanakan dengan sebaiknya.

Sejarah juga mencatatkan bahawa kejayaan Rasulullah S.A.W. mewujudkan suatu sistem kehakiman yang amat jauh berbeza dengan sistem Jahiliyyah. Rasulullah S.A.W. menggambarkan keadaan ini didalam sebuah hadis<sup>2</sup>.

انما هلك من كان قبلكم انهم اذا سرق منهم الشريف تركوه واذا منهم الضعيف اقاموا عليهم الحد والله نفسي بيده لو كانت فاطمة سرقت لقطعت يدها

<sup>1</sup> Iaitu menunaikan tanggungjawab untuk menjaga ketulenan agama dan siasah sebagai amalan pengabdian kepada Allah S.W.T.

<sup>2</sup> al-Bathaqi, *Sunan al-Kubra*, Juz 8, (Haidarabat Mathba'ah Majlis Dairah al Uthmaniyyah, 1352H), Hlm 322

Maksudnya

*"Sesungguhnya telah binasa puak sebelum kamu kerana apabila diantara mereka yang mempunyai kedudukan melakukan perbuatan mencuri, mereka melepaskan tetapi apabila dilakukan oleh orang yang tidak mempunyai kedudukan, mereka menjatuhkan hukuman. Demi Allah S.W.T. dengan kebesarannya, jika sekiranya anakku Fatimah mencuri, nescaya aku akan potong tangannya.*

Gambaran ini amat jauh berbeza sewaktu Rasulullah S.A.W. menerajui pemerintahan negara. Peranannya dibidang kehakiman lebih menonjol selepas penghijrahan baginda ke Madinah. Suatu hal yang agak menarik ialah kes-kes yang diadukan kepada baginda dalam jumlah yang sedikit. Kes-kes ini telah diselesaikan oleh baginda berpandukan kepada nas-nas dan ijihad. Tujuan amalan ijihad ini adalah untuk melatih para sahabat membiasakan diri dengan ijihad pada masa yang akan datang.

Imam Bukhari dan Muslim meriwayatkan penggunaan ijihad oleh baginda Rasulullah S A W didalam sabdanya<sup>1</sup>

انما انا بشر مثلكم وانكم تعصمون الي  
ولعلكم بعضكم الحسن بحجة من بعض

Maksudnya

*"Sesungguhnya aku adalah manusia seperti kamu juga, jika kamu bertelingkah dan datang kepada aku mungkin salah seorang dari kamu mempunyai hujah yang lebih baik dari seorang lagi"*

---

<sup>1</sup> *Abi Daud, Sunan Abi Daud, hlm 148-149*

Hadis ini menunjukkan bahawa amalan ijtihad oleh Rasulullah S.A.W. di dalam menyelesaikan kes-kes yang dikemukakan kepada baginda. Baginda juga tidak akan menghukum sesuatu kes yang tidak dinyatakan rahsiannya oleh pihak-pihak yang terlibat.

Pembukaan wilayah-wilayah Islam dengan meluas memerlukan kepa sistem kehakiman tersendiri bagi mengendalikan dan menyelesaikan kes-kes yang berlaku. Oleh itu sebuah 'Majlis pengadilan' diwujudkan bagi setiap wilayah. Beberapa orang wali negeri diutuskan yang bertindak sebagai urusan umum rakyat dan sekali gus menjadi hakim atau qadhi. Diantaranya Rasulullah S.A.W. melantik Mu'az bin Jabal ke Yaman, 'Iyab bin Asid ke Mekah, Huzafah di Hasr, Abi 'Ubaidah al Jarrah ke Najran dan lain-lain<sup>1</sup>.

Diantara kes-kes yang pernah diselesaikan oleh Rasulullah S.A.W. ialah mengenai harta pusaka<sup>2</sup>, perkahwinan, penceraian, khuluq, rujuk, nafkah, hadhanah, kes-kes hudud dan qisas. Perlaksanaan hukum-hukum ini telah dijadikan asas perundangan Islam kemudiannya<sup>1</sup>.

### **1.3 Kehakiman di zaman Khulafa Al-Rasyidin (11-40H/632-661M)**

Sistem kehakiman di zaman ini masih mengekalkan polisi Rasulullah S.A.W. dengan menjadikan Al-Quran dan al-Hadith sebagai sumber rujukan utama disamping penggunaan *Qiyas*. Para hakim diwaktu itu terdiri daripada kalangan ulama-ulama Mujtahiddin yang tidak bertaklid kepada individu atau madhab tertentu didalam pengambilan sesuatu hukuman. Orang raman juga masih mengamalkan fatwa-fatwa ijtihad para fuqaha jika tiada kedapatan

<sup>1</sup> *Al-Bahi, Ahmad Abdul Mun'im, Tarikh al-Qadha Fi al-Islam, Hlm 27.*

<sup>2</sup> *'Arnus, Mahmud bin Muhamad, Tarikh al-Qadha Fi al-Islam, hlm 10. lihat juga Musyrifah, Musthapa 'Attiyah, Al-Qadha Fi al-Islam, hlm 85*

<sup>3</sup> *Musyrifah, Musthapa 'Attiyah, Al-Qadha Fi al-Islam, hlm 31*

kata-kata Nabi S.A.W dan fatwa sahabat yang ditulis. Hal ini untuk mengelakkan orang ramai dari lalai dan mengabaikan Al-Quran dan dikhuatiri akan mendedahkan mereka kepada kesesatan dan penyelewengan dari penulisan tersebut.

### **Zaman Abu Bakar Al Siddik**

Apabila Rasulullah S.A.W wafat pada bulan Rabiul Awal tahun 11 Hijrah bersamaan 632 Masihi Saidina Abu Bakar telah dipilih oleh para sahabat untuk menjadi khalifah Islam yang pertama. Ini bermakna Khalifah Abu Bakar menjadi ketua kerajaan dan pentadbir, dan dalam masa yang sama mengetuai institusi kehakiman. Tidak terdapat perubahan penting dari segi struktur pemerintahan di zaman Abu Bakar jika dibandingkan dengan sebelumnya. Pentadbiran Kehakiman juga tidak ada perubahan, ianya masih kekal seperti yang diasaskan oleh baginda Rasulullah S.A.W.<sup>1</sup>

Penumpuan yang serius didalam menangani sebarang permasalahan politik negara disamping keadaan sempadan negara yang belum begitu meluas menjadi faktor khalifah Abu Bakar tidak membuat perubahan dalam sistem kehakimannya. Faktor lain yang menyebabkan keadaan ini berlaku ialah kerana orang Islam ketika itu merupakan generasi yang taat, patuh dan amanah yang mengamalkan prinsip-prinsip agama Islam yang sebenarnya. Situasi ini memberi peluang kepada Khalifah Abu Bakar menumpukan kepada soal-soal pentadbiran politik negara yang lebih kritikal berbanding soal kehakiman.

---

<sup>1</sup> *Nasr Farid Muhammad Wasil, Al-Suttah Al-Qadaiyyah Wa Nizam Al-Qada, Matha'ah Al-Amanah, Qahirah, 1983, hlm 54*

Ini bukan bermaksud Khalifah Abu Bakar tidak memberi perhatian langsung kewujudan badan kehakiman didalam negara, bahkan beliau memberi perhatian yang sewajarnya dengan mengadakan beberapa kaedah pengadilan sebagai jaminan sistem kehakiman dijalankan dengan teratur dan sempurna.

Sebanyak lima<sup>1</sup> kaedah telah diutarakan oleh Abu Bakar sebagai garis panduan kepada beberapa penyelesaian sesuatu perubahan iaitu :

- (i) Menggunakan Al-Quran sebagai sumber rujukan utama dalam mengendalikan sesuatu kes
- (ii) Mengkaji Al-Hadith yang sebagai panduan dengan tindak tanduk Rasulullah S A W sekiranya tidak kedapatan nas.
- (iii) Mengkaji hukum yang dibuat oleh Rasulullah S A W., samada bertepatan dengan Al-Quran dan Al-Hadith dari sudut pandangan Al-Qias.
- (iv) Mengadakan Majlis Syura dengan para sahabat apabila keputusan melalui cara diatas tidak diperolehi.
- (v) Apabila para sahabat tidak dapat mencapai keputusan secara Ijma', maka Saidina Abu Bakar menggunakan Ijtihad beliau.

Jelasnya badan kehakiman di zaman Abu Bakar belum dikendalikan oleh individu yang benar-benar terlibat dengan urusan pemerintahan negara, dengan erti kata masih belum wujud dasar pengasingan kuasa diantara ketiga-tiga badan yang disebutkan sebelum ini.

---

<sup>1</sup> *al-Bahī, Ahmad 'Abdul Munī'im, Tarīkh al-Qadhā Fi Al-Islām, Matha'ah Lajnah Al-Bayan Al-Arabi, Mesir, 1965, hlm 103.*

## Zaman Khalifah Umar Ibn Al-Khattab

Selepas wafatnya Saidina Abu Bakar, maka jawatan Khalifah telah disandang oleh Saidina Umar Ibn Al-Khattab pada tahun 13 Hijrah. Beliau dilantik atas Wasiat Saidina Abu Bakar dan telah dipersetujui oleh para sahabat.

Perkembangan Islam dan pembukaan negara-negara baru yang menerima Islam pada masa itu amat pesat sekali. Islam telah melampaui batas Semenanjung Arab, sampai ke Syam, Iraq, Mesir, Rome dan Parsi. Perkembangan ini telah meminta Saidina Umar untuk membuat dan mengadakan beberapa perubahan didalam sistem negara yang turut melibatkan ketiga-tiga badan utama. Beliau telah menjadikan badan kehakiman sebagai sebahagian tanggungjawab yang diamanahkan keatas individu yang dilantik oleh khalifah sendiri atau penguasa wilayah. Hakim-hakim ini mempunyai bidang kuasa tertentu. Seseorang hakim kes sivil dilarang membicarakan kes-kes lain<sup>1</sup>.

Selain disebabkan oleh wilayah yang semakin meluas, juga bertujuan agar seseorang hakim dapat memberikan penumpuan sepenuhnya di dalam bidang kehakiman. Bagi kawasan yang kecil, tugas ini masih dipegang oleh gabenor wilayah wilayah dengan dirujuk kepada khalifah

Di Madinah, Khalifah Omar telah membahagikan kuasa kehakiman kepada dua peringkat, iaitu : Kes-kes kecil<sup>2</sup> diserahkan kepada Al-Saib bin Zayid bin Ukhtu Al-Namir dan

---

<sup>1</sup> Musyrifah, Musthapa<sup>a</sup>Attiyah, *Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 100-101

<sup>2</sup> Kes-kes yang nilainya kurang daripada 2 dirham, Lihat Madkur, Muhamad Salam, *Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 26



kes-kes besar pula dikendalikan oleh As bin Abu Talib, Zaid bin Thabit dan Khalifah Umar sendiri<sup>1</sup>

Untuk mengemaskinikan perjalanan sistem kehakiman negara Khalifah Umar sentiasa mengirinkan surat-surat yang mengandungi ucapan-ucapan beliau sebagai asas dan panduan kepada para hakim atau qadhi didalam pengadilan. Antaranya Khalifah Umar telah mengirinkan sepucuk surat yang dipanggil "Risalah al-Qada" atau " Perutusan Kehakiman" kepada Abu Musa Al-Asyary di Basrah.

Di dalam surat tersebut mengandungi beberapa asas kehakiman. Iaitu berkaitan dengan hukuman menjadi hakim, cara hukuman dibuat, nasihat dan jaminan Allah terhadap hakim yang jujur dan amanah didalam tugasnya.

Kaedah pengadilan Khalifah Umar menggunakan bentuk yang sama dengan cara Abu Bakar. Bagaimanapun rujukan kepada kes-kes yang diputuskan oleh Abu Bakar bukanlah seperti prinsip "Binding Precedent" atau duluan mengikat seperti yang diamalkan dalam sistem kehakiman moden hari ini.

Di peringkat ini masih belum diwujudkan undang-undang tubuh untuk rujukan para qadhi dan hakim semasa mengendalikan perbicaraan jawatan seperti jurutulis mahkamah, pegawai menyimpan rekod dan pendaftar juga belum diadakan. Keperluan kepada bentuk undang-undang yang lengkap seperti masa kini belum diperlukan lagi kerana pegangan para sahabat kepada agama masih teguh dan kuat. Oleh itu, Saidina Umar tidak mendirikan

---

<sup>1</sup> Kes-kes yang nilainya kurang daripada 2 dirham, Lihat Madkur, Muhamad Salam, *Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 26

<sup>2</sup> Al-Bah, *Tarikh Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 113

sebarang mahkamah untuk membicarakan sesuatu kes sebaliknya perbicaraan dijalankan di masjid atau kediaman para hakim<sup>1</sup>.

Pentadbiran kehakiman semasa Khalifah Umar amat menitik beratkan soal keadilan di dalam hukuman dan amat membenci kezaliman. Keadilan dilihat dari sudut kebenaran dan bukan kedudukan taraf seseorang. Diantara contoh kes yang telah diputuskan oleh Khalifah Umar ialah mengenai kesalahan minum minuman keras<sup>2</sup>, perzinaan paksa<sup>3</sup>, pembunuhan<sup>4</sup>, masalah tanah dan kecurian<sup>5</sup>.

Dari fakta yang dibincangkan diatas, nyata bahawasanya wujud pengasingan kuasa (Qadhi) dari tangan gabenor wilayah. Dalam ertikata lain sistem pentadbiran Khalifah Umar telah mengalami perubahan dari segi pembahagian kuasa. Pengasingan yang berlaku disebabkan oleh sempadan negara yang semakin bertambah luas dan masalah agama yang terus bertukar arus. Faktor ini menyebabkan Khalifah Umar merasakan perlu kuasa kehakiman ini dipisahkan dengan kuasa pemerintah bertujuan untuk melicinkan perjalanan pentadbiran kehakiman negara.

---

<sup>1</sup> Al-Bahi, *Muhammad Abdul Mu'imm, Our al-Qadha Fi al-Islam*, Hlm 16.

<sup>2</sup> Musyrifah, *Musthapa Attiyah, Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 31

<sup>3</sup> *Ibid* 106

<sup>4</sup> *Ibn Qayyim al-Jauziyyah, F'lam Muqi'um, Juz 1 Qahirah Matbaah Saad'ah Misi, 1371H, hlm 13*

<sup>5</sup> Al-Bahi, *Tarikh Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 158

## Zaman Khalifah Uthman Ibn Affan

Saidina Uthman Ibn Affan telah dipilih menjadi khalifah ketiga setelah Khalifah Umar terkorban kerana dibunuh oleh Abu Lukluah pada tahun 23 Hijrah bersamaan 644 Masihi. Beliau adalah salah seorang sahabat kanan Rasulullah S.A.W. Khalifah Abu Bakar dan Umar telah menjadi penasihat muata, ada kalanya diberikan tugas-tugas penting<sup>1</sup>.

Sebagai ketua tertinggi negara, kesemua tiga bandar utama negara beliau telah mengadakan beberapa perubahan dalam pentadbirannya seperti mana yang dilakukan oleh khalifah sebelumnya.

Khalifah Uthman meneruskan sistem kehakiman yang dijalankan oleh Khalifah Umar r.a. Beliau sering mengutuskan surat peringatan kepada pegawainya agar menjalankan tugas dengan bertanggungjawab dalam menegakkan keadilan kepada sesiapa yang didapati bersalah.

Khalifah Uthman adalah ketua negara Islam yang pertama mengkhususkan tempat tertentu untuk dijalankan perbicaraan<sup>2</sup>. Beliau telah menggunakan Masjid seperti mana yang telah dilakukan sebelumnya. Sebuah mahkamah khas dipanggil Dar al-Qada diwujudkan dengan individu-individu yang dilantik oleh khalifah sendiri.

Suatu peruntukan khas dari Baitulmal diadakan bagi memberi semua gaji kepada hakim-hakim yang dilantik. Peruntukan ini pada awalnya diasaskan oleh Abu Bakar dan diselaraskan kemudian oleh Umar serta diteruskan oleh Saidina Uthman. Pemberian ini adalah bertujuan mengelakkan para hakim terlibat dengan rasuah.

---

<sup>1</sup> Musyrifah, *Musthapa 'Attiyah, Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 103

<sup>2</sup> Musyrifah, *Musthapa 'Attiyah, Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 110

Khalifah Uthman telah dibunuh oleh pihak pemberontak ketika beliau sedang membaca Al-Quran pada 18 Zulhijjah tahun 34 Hijrah bersamaan 17 Jun 656 Masihi. Beliau telah diganti oleh Saidina Ali<sup>1</sup>

### **Zaman Saidina Ali Ibn Abi Talib**

Saidina Ali telah dipilih menjadi Khalifah setelah pembunuhan Khalifah Uthman oleh golongan pemberontak pada tahun 34 Hijrah bersamaan 656 Masihi<sup>2</sup>. Selaku ketua negara yang bertanggungjawab Khalifah Ali r.a. telah meneruskan dasar-dasar kehakiman yang di bawa oleh khalifah-khalifah sebelumnya. Tidak banyak perubahan yang dilakukan oleh beliau dalam pentadbiran negara, namun dizamannya timbul beberapa peristiwa<sup>3</sup> yang seharusnya tidak dilupakan oleh umat Islam seluruhnya.

Sistem kehakiman yang dijalankan amat menekankan konsep keadilan yang harus dan mesti diterangkan dimana sahaja. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam setiap lembaran surat beliau yang diutus kepada para hakimnya. Antara surat yang dihantar kepada Al-Asykar seorang gabenor di Mesir.

---

<sup>1</sup> Musyrifah, Musthapa 'Attiyah, *Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 106

<sup>2</sup> *Ibid* 106

<sup>3</sup> pemecatan Gabenor-Gabenor lantikan Saydina Umar mengubah pusat pentadbiran dari Madinah ke Kafah, perang Janah dan perang Siffin serta berlainan Madhas-Madhas Politik

Antara lain bermaksud <sup>1</sup>

*"Pilihlah hukuman diantara manusia itu yang sebaiknya dalam pentadbiran kamu. Jangan sempitkan urusan kamu, jangan berdoloh dalih dalam perbalahan, jangan kamu melindungi kesalahan, jangan kamu menyekat kepada sesiapa yang ingin mendapatkan kebenaran dari kamu. Janganlah tamak, hentikan syubahat. Selesaikan perbalahan dan jauhkanlah lagi kebiasaan dengan mengkaji semula kes tersebut. Sebarkanlah didalam membentangi perbicaraan dan sabarlah dalam menerangkan hukuman. Hormatilah orang yang datang dari jauh."*

Khalifah Ali bin Abi Talib merupakan seorang yang pakar dibidang Qias. Beberapa kes telah diselesaikan semasa perlantikan sebagai hakim di zaman Umar memerintah.

Antaranya ialah

- i) Kes mengenai perempuan membunuh suaminya yang cuba mempertahankan dirinya dari dibunuh oleh teman lelaki isterinya<sup>2</sup>.
- ii) Kes seorang lelaki yang membiarkan lelaki lain dibunuh sedangkan dirinya berkewajiban menghalang pembunuhan itu<sup>3</sup>.
- iii) Kes kematian kanak-kanak yang mati direjam oleh dua orang rakannya, sedang tiga yang lain hanya membiarkannya sahaja<sup>4</sup>.

---

<sup>1</sup> Musyrifah, Musthapa °Attiyah, *Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 111

<sup>2</sup> Khalifah Ali menjatuhkan dua hukuman keatas kes ini; Hukuman pertama dengan dikenakan membayar diat kerana membunuh lelaki tuannya dan kedua dikenakan bunuh kerana membunuh suaminya.

<sup>3</sup> Dalam kes ini pembunuh dikenakan had dan lelaki yang membenarkan pembunuhan itu terjadi dikenakan hukuman rejam sehingga mati, lihat Musyrifah, Musthapa °Attiyah, *Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 112

<sup>4</sup> Dalam kes ini, hukuman sebanyak lima diyah dikenakan keatas tiga orang budak dan tiga kali ganda keatas dua orang lagi.

Khalifah Ali telah wafat akibat dibunuh oleh Abdul Rahman bin Muljam dari golongan Khawaris semasa beliau hendak ke Masjid di Al Kufah pada 17hb Ramadhan tahun 40 Hijrah<sup>1</sup>.

#### 1.4 Kehakiman di Zaman Kerajaan Bani Ummaiyah

Sistem kehakiman di zaman pemerintahan Bani Ummaiyah bermula pada tahun 41 hingga 132H. Ini adalah kesinambungan dari sistem kehakiman yang wujud pada zaman pemerintahan Khalifah Al-Rasyidin. Undang-undang yang ditadbir dan dilaksanakan oleh qadhi-qadhi di zaman ini ialah undang undang Islam yang sumbernya ialah Al-Quran dan Al-Sunnah

Pentadbiran sistem pemerintahan negara semakin bertambah rumit dengan adanya pembukaan negeri-negeri baru. Ini menyebabkan para fuqaha dari kalangan sahabat dan tabi'in tinggal berselerak diseluruh wilayah. Pertambahan keluasan wilayah ini meminta khalifah melantik seorang qadhi atau hakim di seluruh negeri.

Hakim-hakim yang dilantik adalah bebas dari penguasaan khalifah. Ketua negara bertindak mengawasi pelaksanaan hukum yang dijatuhkan oleh para hakim dan setiap pergerakannya diawasi agar tidak berlaku penyalahgunaan kuasa<sup>2</sup>.

Hukuman-hukuman yang diputuskan adalah berdasarkan ijtihad sendiri sekiranya nas yang berkaitan masalah tersebut tidak didapati dalam nas qat'in atau ijma. Sebarang bentuk keraguan yang timbul akan dirujuk kepada 'fuqaha', Khalifah ataupun Gabenor. Ini bukan bererti hukuman cenderung kepada pemerintah, tetapi sebaliknya hukuman menyeluruh meskipun keatas pihak pemerintah.

<sup>1</sup> Musyrifah, Musthapa 'Attiyah, *Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 108

<sup>2</sup> Madkur, Muhamad Salam, *Al-Qadha Fi al-Islam*, hlm 29-30

Hakim-hakim dianggap sebagai setiausaha kepada para gabenor dan berkuasa memutuskan hukuman didalam kes-kes sivil. Manakala dalam kes-kes jenayah dijalankan oleh para Khalifah atau Gabenor Wilayah<sup>1</sup>.

Dimasa ini belum diwujudkan lagi sistem melantik dan mendaftarkan kes-kes di mahkamah. Sebaliknya segala bentuk sesi pengaduan perbicaraan dan hukuman dilakukan melalui lisan. Sistem ini mula diperkenalkan oleh hakim Salim bin Atar yang menjadi Qadhi di Mesir<sup>2</sup>

Pada zaman ini juga mahkamah Mazalim telah berfungsi dengan lebih berkesan, yang mempunyai bidang kuasa istimewa. Ianya diketuai oleh Khalifah untuk memastikan undang-undang dihormati dan keadilan ditegakkan. Sebagai contoh Khalifah Umar Abdul Aziz telah menggunakan Mahkamah ini untuk mengembalikan hak orang-orang yang telah dizalimi oleh keluarganya Bani Umaiyah yang mana mahkamah Qadhi telah dapat melakukannya.

Pembaharuan-pembaharuan dibidang kehakiman ini pada dasarnya amat penting dalam memastikan sistem keadilan dapat ditegakkan sepenuhnya dalam negara.

---

<sup>1</sup> *Khadduri, Majid, Law in the Middle East, Vol. 1 (Virginia: William Byrd Press, 1955), Hlm 58*

<sup>2</sup> *Musyrifah, Musthafa Attiyah, Al-Qadha Fi al-Islam, hlm 177*

## 1.5 Kehakiman di Zaman Bani Abbasiah

Pemerintahan Bani Abbasiah bermula dengan jatuhnya kerajaan Bani Umayyah pada tahun 132 Hijrah hinggalah 650 Hijrah. Sistem kehakiman dizaman ini telah menjalani perkembangan yang pesat. Ekoran dari wujudnya hubungan dengan negara luar, timbul berbagai pengaruh didalam masjid terutamanya pengaruh Mazhabi. Pengaruh itu telah menguasai sistem kehakiman yang berjalan ketika ini. Kekurangan Ulama Mujtahid menyebabkan para hakim lebih berminat dan cenderung untuk bertaklid<sup>1</sup>, menurut salah satu daripada 4 Madhab yang ada<sup>2</sup>.

Umpamanya di Iraq, hukuman dijalankan berdasarkan Madhab Hanafi, di Syam berpandukan Madhab Maliki dan di Mesir Madhab Syafi'. Sekiranya berlaku perselisihan dua orang yang berlainan madhab, seorang bukan dari madhab lain yang mahir dalam kedua madhab akan dilantik<sup>3</sup>

Perubahan-perubahan yang dilakukan dizaman ini telah menjadikan pentadbiran kehakiman lebih sempurna berbanding zaman sebelumnya. Semasa pemerintahan Harun Al-Rasyid telah diwujudkan iatu Qadhi Al-Qudat<sup>4</sup> yang bertujuan melantik hakim ke wilayah-wilayah menggantikan perlantikan yang dilakukan oleh ketua negara sebelum ini.

Orang yang mula-mula memegang jawatan ini adalah Qadhi al-Qudha Yaakub Ibn Ibrahim Ibn Abu Yusof atau lebih dikenali Abu Yusof pengarang kitab al-Kharaj<sup>5</sup> yang beribu

---

<sup>1</sup> *iaitu beramal dengan perbuatan mereka yang tidak boleh dibuat hujjah dengan perkataan tanpa berdasarkan dalil. Lihat Yaakub Ismail, Usul Al-Fiah, (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1958), hlm 262*

<sup>2</sup> *Mula muncul pada tahun 13 H iaitu semenjak tertubuhnya kerajaan Abbasiyyah yang berakhir dengan kejatuhan Baghdad tahun 656H*

<sup>3</sup> *Khairuddin Hj. Mohd, Sejarah Islam, Jilid 2. hlm 179*

<sup>4</sup> *Bersamaan dengan jawatan ketua hakim negara pada masa ini.*